

Fabian William, hos sepetang bersama pelajar UMS

UB 09.06.2012 E9

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

ARTIS tempatan, Fabian William yang albumnya baru dilancarkan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan



FABIAN (tengah) menunaikan permintaan bergambar bersama sekumpulan pelajar.

Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun 24 Mac lalu menjadi hos kepada aktiviti akhir kursus bahasa Kadazandusun ‘Sonsodop miampai di Fabian William’ di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah

(UMS) 28 Mei lalu. Penaung Kelab Kebudayaan Kadazandusun, Veronica Petrus Atin memberitahu aktiviti itu bertujuan memberikan pengalaman ‘first hand’ kepada para pelajar bukan etnik Kadazandusun berinteraksi dengan arti penutur asli bahasa Kadazandusun dialek Liwan.

“Masidi ketika melancarkan album berkenaan memberikan ulasan positif dengan menyatakan kemantapan album itu bukan sahaja terletak pada muzik tetapi pada lirik yang rata-rata menggunakan bahasa yang dalam dan jarang sekali dapat digunakan generasi muda kini,” katanya.

Majlis informal dimulakan dengan ucapan alu-aluan Presiden Kelab Kadazandusun,

Mugilan Kuppusamy yang menyatakan penghargaan atas kesempatan beramah mesra dengan Fabian dan bertanyakan soalan-soalan.

Pelbagai soalan dilontarkan pelajar termasuk mengenai penglibatan muzik sejak berumur 9 tahun sehingga kini 32 tahun dan bekerja sebagai seorang jurutera sebuah kilang tempatan. Sebelum ini Fabian pernah bekerja beberapa tahun di Pulau Pinang sebaik menamatkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM).

Apa yang mengagumkan pelajar ialah Fabian dapat meluangkan masa mencipta lirik dan lagu serta menjadi artis sambilan meskipun bekerja sepenuh masa sebagai jurutera.

Fabian yang ditemani tunangnya, Nelly petang

Mugilan Kuppusamy yang menyatakan penghargaan atas kesempatan beramah mesra dengan Fabian dan bertanyakan soalan-soalan.

Pelbagai soalan dilontarkan pelajar termasuk mengenai penglibatan muzik sejak berumur 9 tahun sehingga kini 32 tahun dan bekerja sebagai seorang jurutera sebuah kilang tempatan. Sebelum ini Fabian pernah bekerja beberapa tahun di Pulau Pinang sebaik menamatkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM).

FABIAN (berdiri tengah) bersama para pelajar.

itu mendendangkan beberapa buah lagu bersama pelajar dengan kemuncak persembahan lagu ‘Nung Muhang Ko’ yang telah diiringi tarian Sumazau oleh pensyarah dan pelajar.

Keseronokan pengalaman

pembelajaran bahasa beberapa buah lagu bersama pelajar dengan kemuncak persembahan lagu ‘Nung Muhang Ko’ yang telah diiringi tarian Sumazau oleh pensyarah dan pelajar.

Sesungguhnya, malam itu menjadi kenangan yang sangat manis bagi para pelajar. Bak kata

para pengkaji bahasa, ‘pembelajaran bahasa tidak lengkap tanpa pengalaman budaya’. Walaupun hanya beberapa jam, pengalaman bersama Fabian sangat bermakna buat para pelajar tahap 3, Bahasa KD UMS 2012.

